

# PERKAITAN *STAIL* DAN PERUTUSAN AGAMA DENGAN KEBENARAN SEJARAH DALAM SAJAK-SAJAK KEMALA

A HALIM ALI

## Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis kesepaduan *stail* dan perutusan agama dengan kebenaran dalam sajak-sajak pilihan Ahmad Kamal Abdullah (Kemala). Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti unsur *stail* dan perutusan agama yang mempunyai perkaitan dengan kebenaran. Analisis ini berpandukan prinsip perkaitan iaitu salah satu daripada dua prinsip Konseptual Estetika Bersepadu (2010). Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dibuktikan wujud perkaitan yang signifikan di antara *stail* dan perutusan agama dengan kebenaran al-Quran dan hadis, sejarah para rasul dan sejarah tokoh-tokoh wanita Islam. Sejarah ini pula terbukti kebenarannya sepertimana yang disebutkan atau dikisahkan dalam al-Quran, hadis dan buku-buku sejarah Islam.

KATA KUNCI: Estetika, Bersepadu, Kesepaduan, Perkaitan, *Stail*, Perutusan

## Pengenalan

Keindahan mempunyai hubungan langsung dengan agama. Ia bertaut erat dengan beberapa nama Allah seperti *al-Jamal*, *al-Nur*, *al-Quddus*, *al-Hamiid*, *al Barr* dan *al Badii'*. Maksud *al-jamal* mendukung suatu makna yang komprehensif tentang sifat, nilai dan status keindahan yang tiada tolok bandingnya. Istilah *al-jamal* sering digunakan oleh ahli sufi aliran *Wahdatul Wujud* terutama Abd al-Karim al-Jili yang memandang keindahan dalam sebagai keindahan Ilahi, manakala konsep keindahan luaran sebagai keindahan fizikal - *husn* (Braginsky, I.V.,1994:7). Dalam syair Arab, ada tersebut rangkaian kata-kata yang bermaksud, keindahan bukan terletak kepada pakaian-pakaian yang indah yang mencantikkan kita: sesungguhnya keindahan adalah keindahan ilmu dan budi pekerti (Mohd Kamal Hassan,1981:39).

Manakala konsep estetik Barat yang diperkenalkan oleh Alexander Gaunterman pada tahun 1750 lebih cenderung kepada konsep estetik luaran yang mementingkan pengalaman manusia semata-mata. Menurut Dadney Townsend (2001), terdapat dua ciri penting yang menandai estetik moden; pertama, pengalaman estetik, iaitu pengalaman estetik yang bersesuaian dengan dirinya sendiri. Kedua, pengalaman estetik yang berkait dengan emosi dan keseronokan. Sifat dan bentuk estetika seperti ini menurut Dadney Townsend (2001) terlalu mementingkan nafsu atau keseronokan sebagai puncak utamanya dan terpisah daripada intelektual. Bentuk dan sifat keindahan adalah bersifat sekular. Hal ini amat disedari oleh beberapa sarjana seperti Immanuel Kant, dan beliau berusaha untuk menyatukan estetik dengan intelektual, namun tidak berjaya.

Perbezaan konsep ini memperlihatkan dengan jelas perbezaan dalam memahami makna estetik dan makna keindahan daripada perspektif Barat dan Islam. Hal inilah yang jelas menampakkan ketidaksesuaian makna estetik Barat dengan pandangan Islam, kerana Islam menggalakkan manusia supaya menghayati keindahan alam semula jadi dengan mengingatkannya kepada Kebesaran Allah SWT. Keindahan yang ditanggapi dan tersentuh oleh deria rasa dan tindak balas emosi haruslah suatu tindak balas yang berkait langsung dengan penghayatan terhadap kebesaran Allah SWT.

Perbincangan dalam makalah ini bertolak atas premis bahawa pemahaman terhadap konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu yang kaya dengan nilai Islam mestilah ditanggapi berlandaskan kerangka konseptual yang sesuai dengan roh Islam itu sendiri, yakni yang meletakkan nilai-nilai Islam sebagai tunggak pengertian dan pemaknaan konsep estetikanya, di samping itu dalam masa yang sama menerima beberapa idea daripada teori sastera Barat dengan kaedah melakukan penyesuaian dengan

pengajaran (perutusan) Islam bagi menghasilkan sebuah landas yang dapat menggabungkan nilai Barat ke dalam Islam. Kemasukan konsep estetik Barat yang disepadukan dengan pokok ajaran Islam merupakan aset ilmu yang mempunyai nilai tambah (added value) kepada bidang kajian estetik dalam kesusasteraan Melayu itu sendiri. Asas permasalahan jelas bertolak daripada kelemahan yang ketara dalam kerangka kritik estetik terdahulu yang kurang sesuai untuk dijadikan asas untuk memahami konsep keindahan dalam teks kesusasteraan Melayu yang terasnya adalah Islam dan jati diri Melayu.

### **Kerangka Konsep Estetika Bersepadu**

Analisis ini akan memanfaatkan idea Konsep *Estetika Bersepadu* bagi membuktikan bahawa makna keindahan dalam kesusasteraan Melayu sebenarnya hadir menerusi dua kaedah iaitu (a) penyepaduan *stail* dengan perutusan dan (b) perkaitan *Stail* dan perutusan dengan kebenaran. Menerusi dua kaedah ini terzahirnya gambaran keindahan yang mendukung makna keindahan daripada sudut luaran dan dalaman.

Konsep *Estetika Bersepadu* mengambil penciptaan nabi Adam a.s. sebagai asas rujukan untuk memahami erti keindahan. Nabi Adam a.s. ialah makhluk manusia pertama diciptakan Allah SWT. Kisah penciptaan Nabi Adam a.s. banyak diceritakan dalam al-Quran, Hadis dan juga kitab-kitab sejarah Islam. Di dalam Surah at-Tin, ayat 4 Allah SWT memberitahu bahawa Dia menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian. Nabi Adam a.s. (manusia pertama) adalah penciptaan yang paling sempurna (kesempurnaan) berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain.

‘ sesungguhnya Kami ciptakan manusia dengan sebaik-baik bentuk’.  
Surah *at-Tin*: 4,

‘Sesungguhnya telah Kami muliakan Bani (anak-anak) Adam dan Kami angkut mereka dengan kendaraan di darat dan di laut serta Kami beri rezeki mereka dengan sebaik-baik dan Kami lebihkan mereka dari kebanyakan makhluk yang Kami jadikan dengan kelebihan (yang sempurna)’.

Surah *Al-Israak*:70

Dalam hal penciptaan manusia ini, Haron Din, *et al* (1997) menjelaskan bahawa kejadian manusia adalah sebaik-baik dan seindah-indah kejadian, iaitu keindahan yang teradun daripada unsur jasmani dan rohani. Unsur jasmani manusia (*al-Khalaq*) meskipun indah, namun keindahan itu tidak sempurna kerana itu ia perlu kepada penyepaduan dengan unsur rohani (*al-Khuluq*), supaya ia benar-benar menepati dengan ‘*fi ahsani taqwim*’ dalam sebaik-baik kejadian.

Berdasarkan kepada hakikat kejadian manusia ini, membuktikan proses kesempurnaan dan kemantapan boleh berlaku atau dilakukan secara menyepadukan beberapa unsur menjadi satu yang mantap. Selanjutnya Haron Din menyebutkan;

Walaupun manusia dicipta daripada dua unsur yang berbeza dan bercanggah, tetapi dengan kekuasaan Allah yang memiliki unsur-unsur dan undang-undangnya telah mencantumkan (menyepadukan-pengkaji) kedua-dua unsur tersebut dalam satu kejadian yang dinamakan manusia. Kegiatan kedua-dua unsur tersebut hanya akan dapat melukiskan ‘ciptaan’ seni hidup yang indah dan bernilai jika berpandukan acuan yang ditentukan oleh Maha Penciptanya.

(Haron Din, *et al*,1997:8)

Kesempurnaan kejadian manusia merupakan manifestasi keindahan hakiki bersumberkan daripada keindahan Allah SWT. Manusia sebagai makhluk ciptaan yang paling indah (sempurna) ditunjuki Allah SWT. kepada manusia bahawa kesempurnaan (keindahan) itu terhasil daripada satu proses kesepaduan. Hal ini juga menjelaskan, keindahan tidak berdiri dan terbangun atas satu unsur, melainkan terikat kepada keperluan kepada unsur lain melengkapkannya. Demikian sifat sesuatu yang diciptakan Allah SWT.

Oleh kerana itu, keindahan lahiriah yang ditanggapi dan dinikmati oleh manusia dalam alam maknawi masih dan tetap terkait dengan sumber keindahan yang asal.

Berasaskan keterangan al-Quran dan Hadis serta pandangan ulama, dapat diletakkan suatu keyakinan bahawa sumber rujukan paling utama bagi memahami makna keindahan dan bagaimana cara keindahan itu terhasil sewajarnya dirujuk pada sifat luaran dan dalaman Adam a.s. serta proses penciptaannya. Sifat luaran, dalaman dan proses penciptaan ini adalah suatu ciri yang boleh disebut sebagai `keadaman` yang menstruktur dan mendeskripsi makna keindahan. Meneliti hakikat kewujudan nabi Adam a.s. dan proses penciptaannya, dapat dirumuskan empat perkara penting, iaitu;

- a. Nabi Adam a.s. merupakan puncak keindahan dalam alam duniawi
- b. Penciptaannya berlaku berasaskan proses penyepaduan.
- c. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan alam dunia yang diletakkan padanya tugas kepimpinan dan amanah.
- d. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan ketetapan Allah untuk melantik pemimpin di dunia.

### **Keadaman Teks Kesusasteraan**

Keindahan seperti yang disebutkan sebelum ini merupakan asas yang mengungguli karya kesusasteraan. Keindahan memiliki daya tarikan yang mendorong pembaca suka kepadanya. Manusia secara fitrahnya suka dan menggemari keindahan sesuai dengan fitrah kejadiannya yang indah dan sempurna. Keindahan ini menurut Muhammad Haji Salleh bersifat positif dan baik untuk pengarang dan khalayak serta membantu manusia lebih nyaman dan lebih manusiawi (Muhammad Haji Salleh, 2000:234-5). Khalayak pembaca yang berhadapan dengan karya merupakan manusia yang menggemari

keindahan. Keindahan dalam apa bentuk dan sifat dicintai oleh manusia tidak sekadar untuk memenuhi keinginannya yang menginginkan sesuatu yang indah, tetapi keindahan itu sebenarnya menjadi pendorong yang memandu gerak geri dan ilham manusia untuk bertingkah laku dengan tingkah laku yang baik-baik dan mulia.

Estetik merupakan satu-satunya unsur yang mengungguli dan menzahirkan makna keindahan. Dalam teks kesusasteraan unsur estetik terungkap dalam bahasa yang digunakan dan perutusan atau mesej yang hadir secara tersirat. Bahasa tampak indah dan menarik perhatian pembaca kepadanya kerana kemagnetikan estetikanya. Unsur estetik inilah juga meruntun inti kesusasteraan. Jelasnya, teks kesusasteraan memiliki keserasian dengan ciri-ciri keadaman yang dapat menjelaskan dan mendeskripsi makna keindahannya. Selain itu, perutusan atau mesej dilihat ssebagai keindahan dalaman yang dilihat ecara terkait dengan fungsi-fungsi kerohanian dan realiti.

### **Ciri-Ciri Keadaman Teks Kesusasteraan**

Berasaskan keterangan tentang proses ciptaan Adam, dapat difahami kedudukan Adam sebagai sumber yang paling berautoriti untuk memahami makna keindahan di alam manifestasi. Adam a.s. sebagai makhluk manusia ciptaan Allah SWT yang paling indah atau sempurna itu mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat menerangkan kesempurnaan sifat indahny penciptaan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1  
Ciri-ciri Yang Melengkapkan Sifat Indah pencitpaan Nabi Adam a.s.

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ ciptaan	Diciptakan	Pencipta (Allah SWT)
Unsur	Ketuhanan Kenabian Kemanusiaan	Roh Pemimpin/khalifahdi muka bumi Akal, nafsu
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 1) Tanah 2) Roh 3) Ilmu
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan tujuan penciptaannya: 1) Abdikan diri/sembah Allah 2) Realiti kewujudan alam dunia
		Kenabian: 1) menyampaikan perutusan Allah

Mengamati ciri-ciri yang menzahirkan sifat indah nabi Adam itu, maka dapat dilihat dan dikesan keserasiannya (padanannya) dengan sifat dan fungsi teks kesusasteraan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah;

Jadual 2:  
Ciri dan fungsi Teks Kesusasteraan

Asas	Ciri	Deskripsi
Hasil/ ciptaan	Diciptakan	Pengarang/Penulis/Penyair
Unsur	Agama keduniaan Kemanusiaan	Ketuhanan, hal-hal kemasyarakatan pemikiran,nilai-nilai
Proses kejadian	Kesepaduan	Unsur fizikal dan dalaman: 1) gaya bahasa/bentuk/teknik 2) idea/pemikiran 3) ilmu
Fungsi	Perkaitan	Berkait dengan kebenaran tujuan penciptaannya: 1) Fungsi kreatif seniman 2) Fungsi kesusasteraan
		1) menyampaikan perutusan /mesej

Nabi Adam a.s. dalam konteks pemahaman ini bukan sekadar makhluk manusia berilmu dan berfikiran yang paling sempurna ciptaan Allah SWT, tetapi nabi Adam juga dapat diambil daripadanya suatu rujukan bagi memahami erti keindahan dari sudut unsur dan proses penciptaan serta perkaitan penciptaannya dengan fungsi yang ditetapkan Allah menjadi khalifah di muka bumi.

Dalam jenis makhluk manusia ini pula, Allah menzakirkan para nabi dan rasul-rasul yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Rasul adalah makhluk manusia yang diberi tanggungjawab untuk menyampaikan perutusan Allah SWT. Nabi Muhammad SAW pula adalah sebagai-baik manusia yang dizahirkan sebagai satu rahmat ke seluruh alam dan menyempurnakan akhlak manusia.

Memahami dan mengamati proses ciptaan Adam a.s. dan fungsi para rasul hinggalah kepada zahirnya nabi Muhammad SAW ini maka tergambar suatu kesepaduan proses yang dapat memahamkan makna keindahan yang bersumber kepada sumber yang dapat dipertanggungjawabkan. Dengan kata lain, untuk memahami makna keindahan maka lebih sesuai merujuk indikasinya pada proses kejadian Adam a.s. dan keindahan perutusan yang dibawa para rasul dan keindahan dalam tugasnya serta keindahan matlamat akhir kehidupan manusia. Keindahan dalam keadaan ini menampakkan dua asas kezahirannya iaitu (1) kesepaduan dan (2) perkaitan yang menunjukkan setiap sesuatu keindahan itu wujud dan diwujudkan berasaskan suatu proses yang komprehensif, inklusif dan futuristik.

Memahami hubungan dan proses ini, maka teks kesusasteraan yang dihasilkan pengarang juga memiliki ciri-ciri dan fungsinya sejajar dengan ciri-ciri dan fungsi nabi Adam dan para rasul itu. Oleh itu dapat dikatakan, teks kesusasteraan adalah sebuah manifestasi keindahan Adam serta mengandungi ciri-ciri *keadaman* yang menjelma di hadapan



khalayak dengan tugas menyampaikan perutusan-perutusan agama kepada manusia dengan sifat dirinya yang indah pula. Teks kesusasteraan juga teradun proses kejadiannya berasaskan kesepaduan pelbagai unsur seperti pemikiran bahasa, idea, teknik dan sebagainya. Pengarang tidak menghadirkan karya dengan kosong makna, melainkan berkait dengan tujuan untuk menyampaikan pemikiran dan mesejnya agar sampai kepada khalayak. Di sinilah terzahirnya konsep *kesepaduan* dan *perkaitan* dalam penciptaan sesebuah karya kesusasteraan, sebagaimana proses penciptaan Adam a.s. dan perkaitannya dengan tugas kerasulannya di atas muka bumi.

### **Perkaitan *Stail* dan Perutusan Agama dengan Kebenaran**

Analisis juga dilakukan bagi melihat dan membuktikan kewujudan perkaitan aspek *stail* (unsur gaya bahasa kiasan dan pemikiran) dan perutusan dengan kebenaran. Kebenaran yang dimaksudkan di sini ialah kebenaran di sisi agama dan kebenaran di sisi realiti.

Analisis yang dilakukan menunjukkan wujud hubungan dan perkaitan *stail* dan perutusan dengan aspek kebenaran. *Stail* kepenyairan Kemala dan perutusan yang dibawa berkait langsung dengan (1) keterangan ayat-ayat al-Quran dan Hadis, (2) Sejarah para Rasul dan Nabi, (3) sejarah tokoh-tokoh Khulafa ar-Rasyidin, (4) sejarah tokoh-tokoh wanita dalam Islam, (5) kota-kota besar Islam, (5) realiti sejarah bangsa Melayu di Malaysia, (6) realiti tokoh-tokoh penyair Islam dan (7) realiti pengalaman peribadi penyair.

### **Terapan dan analisis estetika Bersepadu ke atas Sajak-sajak Kemala**

Tulisan dalam makalah ini memanfaatkan salah satu prinsip Estetika Bersepadu iaitu perkaitan *stail* dan perutusan dengan kebenaran bagi melihat kehadiran unsur keindahan dalam sajak-sajak Kemala mempunyai perkaitan langsung dengan kebenaran. Kebenaran

dalam konteks estetika Bersepadu ialah kebenaran (1) berpandukan keterangan al-Quran serta hadis, dan (2) kebenaran yang berpandukan realiti. Terapan dan analisis ini dilakukan ke atas beberapa buah sajak Kemala yang termuat dalam empat buah antologi iaitu `Ayn (1987), Pelabuhan Putih (1989), Titir Zikir (1995), dan MIM (2001)

### **Perkaitan *stail* dan perutusan dengan keterangan al-Quran dan al-Hadis**

Hampir semua penyepaduan *stail* dengan perutusan yang disampaikan dalam sajak-sajak Kemala berkaitan atau mempunyai hubungan langsung dengan keterangan al-Quran dan al-Hadis. Hubungan ini berlaku secara signifikan dan sejajar tanpa menunjukkan percanggahan baik dari sudut makna mahupun bahasa. Perutusan tentang mendidik anak dengan pendidikan Islam yang dikesan dalam sajak `Di hadapan al-Quran` (`Ayn,hal:3) berkaitan secara langsung dengan keterangan al-Quran dalam Surah *Tahaa*, Ayat 132, Surah *al- Baqarah*, Ayat 233, dan Surah *Luqman*, ayat 13-19.

Dalam Surah *al- Baqarah* Ayat 233, Allah SWT. berfirman (bermaksud), ` `para ibu bapa hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh...`. Manakala dalam surah *Luqman*, Ayat 13-19, Allah SWT. menunjukkan contoh tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak dengan cara mendidik anak-anak dengan ilmu agama supaya anak-anak tidak mempersekutukan Allah SWT. Maksud Ayat 13,16,17,18-19 , Surah *Luqman*:

13. Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, "hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar.

16. (Luqman berkata) "hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau di langit atau di bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasi). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui".

17. Hai anakku, dirikanlah salat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah S.W.T.).

18. Dan janganlah kamu memalingkan muka kamu dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri.

19. Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

Maksud Ayat-ayat daripada Surah *Luqman* ini menunjukkan kepentingan dan keperluan mendidik anak-anak dengan didikan agama sejak dari awal lagi. Dalam Mukadimah terjemahan al-Quran (1428H,hal:652) menyebutkan bahawa Luqman telah diberi nikmat ilmu pengetahuan, oleh sebab itu dia bersyukur kepada Allah SWT. Daripada ayat 13-19 mengandungi nasihat-nasihat Luqman kepada anak-anaknya. Ini adalah sebagai isyarat daripada Allah SWT. supaya setiap ibu bapa melaksanakan pula terhadap anak-anak mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Luqman.

Pemikiran Kemala tentang pendidikan Islam yang perlu diberikan kepada anak-anak sejak dari awal menerusi sajak `Di hadapan al-Quran` (`Ayn,hal:3) sejajar dan mempunyai perkaitan dengan keterangan al-Quran tentang kewajipan mendidik anak menerusi Ayat 13-19 Surah *Luqman* ini. Perkaitan ini adalah suatu perkaitan yang signifikan dan bermakna, kerana idea penyajak dengan perutusan yang disampaikan tidak terkeluar daripada kerangka agama.

Perutusan tentang memberi pendidikan Islam kepada anak-anak juga sejajar dengan al-Hadis. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim,

Rasulullah S.A.W. bersabda dengan maksud, "anak-anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka ibu bapanyalah yang akan menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi". Maksud hadis ini menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab langsung terhadap anak-anak mereka dan ibu bapa bertanggungjawab terhadap untung nasib anak itu apabila anak itu dewasa.

Secara tersirat, Rasulullah S.A.W. memberi satu penegasan tentang kesempurnaan hidup anak-anak dalam semua aspek termasuk aspek terpenting hidup iaitu anutan agama anak juga bergantung kepada ibu bapa. *Stail* dan perutusan yang tergambar dalam sajak Kemala sebenarnya berkait secara langsung dengan realiti kehidupan ibu bapa Muslim dan menjejak hubungan ibu bapa dengan anak-anak dan ahli keluarga.

Perkaitan *stail* dan perutusan dengan keterangan al-Quran dan al-Hadis dapat juga dibuktikan menerusi sajak `Ayn' (*Ayn*,hal:55), `Rabiatul adawiyah`(`Ayn,hal:78), `Mim Sembilan` (*MIM*,hal9 dan `Mim Sebelas` (*MIM*,hal:11) dengan keterangan al-Quran dalam Surah *al-Nahl*, Ayat 11-13 dan Kemala mengetengahkan pemikiran tentang mencari makna kehidupan. Mencari makna kehidupan adalah suatu perkara yang dituntut Islam, kerana dengan itu manusia dapat mengenal dan berfikir tentang kebesaran Allah SWT. Tuntutan ini berkait secara langsung dengan keterangan al-Quran dalam Surah *al-Nahl*, Ayat 11-13 yang bermaksud:

11. Dan Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan"

12. Dan Dia menundukkan malam dan siang, matahari dan bulan untukmu. Dan bintang-bintang itu ditundukkan (untukmu) dengan perintah-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memahaminya (nya)."

13. Dan Dia (menundukkan pula) apa yang Dia ciptakan untuk kamu di bumi ini dengan berlain-lainan macamnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengambil pelajaran”.

Pemikiran Kemala yang dikemukakan secara indah dengan perutusan agama tentang mencari makna kehidupan jelas terarah pada keterangan al-Quran sebagaimana yang tersebut dalam Ayat 11-13 Surah *al-Nahl*. Ini membuktikan *stail* dan perutusan dalam sajak Kemala mempunyai perkaitan dan hubungan langsung dengan keterangan-keterangan al-Quran yang berkaitan.

Mencari makna kehidupan sebagaimana yang tersirat dalam sajak `Rabiatul Adawiyah`(`Ayn,hal:78) misalnya mendepankan pemikiran Kemala tentang sikap manusia yang menggunakan akal fikiran untuk memuliakan diri, kehidupan berasaskan kepada ciptaan-ciptaan Allah SWT dalam alam ini. Ramai perempuan yang terjebak dalam kemiskinan tetapi sentiasa pula menginsafi dan memikirkan kebesaran Allah S.A.W., tetapi Kemala memilih Rabiatul Adawiyah sebagai ikon wanita yang mencari makna hidup yang tulus ikhlas dan murni itu.

Tindakan Rabiatul Adawiyah adalah inti pemikiran penyair (Kemala) dan sifat manusia seperti Rabiatul Adawiyah sebagai manusia yang dilanda kesusahan hidup namun sentiasa meredai dan merendah diri untuk mencari makna kehidupan sejajar dengan gambaran sifat manusia yang disebut Allah SWT dalam al-Quran dan juga Rasulullah S.A.W. dalam hadisnya. Demikian juga dengan keterangan alim ulama. Dalam Surah *al-Imran*, ayat 191, Allah SWT berfirman yang bermaksud;

”(ia itu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata) ” tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia”.

Dalam sebuah Hadis riwayat Ibn Hibban, Rasulullah S.A.W. bersabda dengan maksud, "berfikir sesaat lebih baik daripada beribadat setahun". Rabi'atul Adawiyah adalah wanita berdosa yang insaf dan berfikir tentang kehidupan dirinya dan kebesaran Allah SWT. Kerana itu, pemilihan Rabi'atul Adawiyah dalam sajak *Kemala* bukan sia-sia atau atas pertimbangan kreatif semata-mata, tetapi pertimbangan kreatif yang berkait secara langsung dengan keterangan al-Quran, hadis dan sejarah Islam.

### **Perkaitan *Stail* dan perutusan dengan sejarah para Rasul dan Nabi**

Dalam menyampaikan inti pemikiran dan perutusan, *Kemala* secara sedar memperkaitkannya dengan sejarah para Rasul dan nabi-nabi. Analisis yang dilakukan menunjukkan terdapat sejumlah 10 orang Rasul dan Nabi yang dikaitkan sejarahnya dengan penggunaan gaya bahasa dalam sajak-sajaknya. Daripada sejarah 10 orang rasul dan nabi itu, sejarah Nabi Muhammad S.A.W. paling banyak dirujuk, khususnya dalam kumpulan puisi *`Ayn* dan *MIM*. Berikut ialah nama-nama Rasul dan Nabi yang dikaitkan dengan penggunaan gaya bahasa, pemikiran dan perutusan dalam sajak-sajaknya:-

- a) Adam (*`Ayn*, hal:9,14,73,75, *MIM*, hal:9)
- b) Muhammad, Al-Amin, Rasulullah, Al-Mustaffa (*`Ayn*.hal: 19,25,27,36,44,48, hal:58,59,61,62,64,65,66,67,69, *MIM*.9, *MIM*.85)
- c) Yusuf (*`Ayn*.hal:44,74,80)
- d) Musa (*`Ayn*.hal:44,48,74,75)
- e) Khidir (*`Ayn*.hal:44)
- f) Ismail (*`Ayn*.hal:49)
- g) Ibrahim (*`Ayn*.hal:49)
- h) Nuh (*`Ayn*.hal:75)

j) Lut ( `Ayn.hal:75)

k) Sulaiman ( `Ayn.hal:77)

### **Sejarah Nabi Muhammad S.A.W.**

Sejarah Nabi Muhammad S.A.W. paling banyak dikaitkan dengan stail dan perutusan agama. Antara kisah-kisah yang dikaitkan dengan stail dan perutusan ialah kisah Rasulullah S.A.W. berada di gua Thur bersama Abu Bakar r.a. kisah Rasulullah S.A.W. dijaga dan disusukan oleh Halimatu' Sa'diah, kisah Rasulullah S.A.W. diisraq dan di mi'raq pada malam Lailatul qadar, kisah Rasulullah S.A.W. menjadi yatim dan penggembala kambing dan kisah Rasulullah S.A.W. dilantik sebagai hakim untuk menyelesaikan pertikaian ketua-ketua khabilah untuk meletakkan batu Hajarul Aswad.

Secara sedar, Kemala memiliki kisah-kisah sejarah yang benar-benar sesuai dan mempunyai perkaitan supaya pemikiran dan perutusan yang disampaikan mengesan di jiwa. Dengan ini bermakna, membaca dan menghayati sajak bukan sekadar untuk menikmati keindahan estetik bahasa, tetapi lebih jauh daripada itu ialah bertujuan supaya sajak dapat menyampaikan perutusan agama bagi mendidik khalayak menjadi manusia yang tahan dugaan dan tidak berputus asa.

### **Sejarah Rasul-Rasul Lain**

Selain nabi Adam a.s. dan Nabi Muhammad SWT, Kemala juga memperkaitkan pemikiran dan perutusan dengan kisah-kisah yang berkaitan dengan beberapa Rasul dan nabi yang lain seperti nabi Ibrahim a.s., nabi Yusof, a.s., nabi Musa, a.s. nabi Noh a.s., nabi Ibrahim a.s., nabi Ismail a.s. dan nabi Sulaiman a.s. Nabi Khidir juga dikaitkan dengan pemikiran dan perutusan yang disampaikan.

Bagi menyampaikan ideanya dan perutusan agama tentang kecintaan hamba kepada Allah SWT, Kemala memperkaitkan konsep dan falsafah kecintaan yang tinggi terhadap Tuhan dengan memperkaitkan kisah nabi Musa a.s. yang terlalu ingin melihat wajah Allah SWT Perutusan ini disampaikan dengan *stail* yang indah dalam sajak `Mengenag-Mu` (`Ayn,hal:44) dan sajak `Ayn` (`Ayn,hal:48), Kemaruk cinta dan iman nabi Musa a.s. mendorong baginda memohon untuk melihat wajah sebenar Allah SWT. Kisah ini juga berkait dengan keterangan al-Quran dalam Surah *al-A'raf*, Ayat 142-143) yang bermaksud:

“telah kami janjikan kepada Musa setelah berlalu tiga puluh malam, dan Kami sempurnakannya dengan sepuluh malam, maka sempurnalah batas waktu empat puluh malam yang ditentukan Tuhannya. Musa berkata kepada saudaranya Harun:” gantilah aku dalam memimpin kaumku dan perbaikilah. Janganlah kamu mengikuti jalan orang-orang yang membuat kerosakan”. Apabila Musa datang tepat pada waktu yang telah Kami tentukan dan Tuhan berfirman langsung kepadanya, Musa berkata, “Wahai Tuhan! Nampakkanlah diri-Mu kepadaku, agar aku melihat diri-Mu”. Allah menjawab, “Kamu tak akan sanggup melihat-Ku”. Ketika Tuhan bertajalli pada gunung, maka gunung itu hancur luluh. Musa pun jatuh pingsan. Setelah sedar kembali dia berkata, “ Maha Suci engkau, aku bertaubat kepada-Mu, dan aku adalah orang yang pertama yang beriman”.

Keimanan yang ikhlas meletakkan nabi Musa a.s. pada makam cinta yang amat tinggi terhadap Tuhan. Kisah ini dikaitkan bagi menyampaikan tentang konsep kecintaan kepada Tuhan dan perutusan supaya manusia tidak menumpahkan kecintaan selain hanya kepada Allah S.W.T. semata-mata.

Kisah nabi Yusof a.s. juga dikaitkan dalam penyampaian pemikiran dan perutusan dalam sajak-sajak Kemala. Kisah nabi Yusof digoda Zulaikha dirakamkan dalam sajak `Mengenang-Mu` (`Ayn,hal:44), `Perdaya` (`Ayn,hal:74), `Bukti` (`Ayn,hal:75) dan sajak Yusof` (`Ayn,hal:80). Kisah nabi Yusof digoda Zulaikha, seorang isteri pembesar Mesir itu dikaitkan bagi mengetengahkan pemikiran tentang keteguhan iman hanya kepada Allah SWT. Menerusi kisah yang dikaitkan ini, Kemala juga bertujuan menyampaikan perutusan



supaya manusia sentiasa bercakap benar, tidak mudah tergoda dengan kecantikan wanita dan teguh iman kepada Allah SWT pada saat genting berhadapan dengan ujian Allah SWT.

Kisah nabi Yusof a.s. yang dikaitkan dalam sajak-sajak Kemala juga berkait dengan keterangan al-Quran tentang kisah tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan keterangan al-Quran dalam Surah *Yusof*, Ayat, 23-29, 30-34 dan 34-41. Dalam satu keterangan al-Quran, Surah *Yusof*, Ayat 34-41, Allah S.W.T. mengisahkan keteguhan iman nabi Yusof a.s. dan kerana itu, baginda telah dipenjarakan. Maksud daripada Ayat tersebut ialah:

"Kemudian timbul pada fikiran mereka setelah melihat tanda-tanda keteguhan Yusof, bahawa harus memenjarakan Yusof sehingga waktu tertentu. Yusof dimasukkan ke penjara, disertai dua orang anak muda. Salah seorang di antaranya berkata, "aku bermimpi memerah anggur". Adapun yang lain berkata, "aku bermimpi, bahwa aku membawa roti di atas kepala, sebahagian di antaranya dimakan burung. Jelaskanlah kepada kami, bagaimana maksudnya. Menurut pandangan kami, engkau adalah seorang yang pandai". Yusof berkata, "tidak ada makanan yang akan diberikan kepada kamu, kecuali aku dapat menerangkan jenis makanan itu sebelum sampai kepadamu. Adapun yang demikian ini adalah sebahagian dari ilmu yang diajarkan oleh Tuhanku. Sesungguhnya aku tinggalkan agama orang-orang yang tidak berilmu kepada Allah dan mereka sendiri mengingkari akhirat. Aku mengikut agama bapa-bapaku, iaitu Ibrahim, Ishak dan Ya'kub. Tidak patut kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu apapun. Semua itu adalah kurniaan Allah dengan diberikan kepada kami dan kepada manusia tetapi sebahagian besar manusia tidak mensyukuri. Wahai kedua temanku sepenjara! Manakah yang baik, Tuhan yang bermacam-macam itu atau Allah yang tunggal lagi Maha Perkasa. Apa yang kamu sembah selain Allah, hanyalah nama-nama yang kamu buat sendiri dan dibuat-buat oleh nenek moyangmu. Allah tidak menurunkan keterangan apapun tentang nama-nama itu. Keputusan itu milik Allah. Allah menyuruh kamu tidak menyembah sesuatu selain Dia. Itulah agama yang lurus tetapi sebahagian besar manusia tidak Mengetahui. Wahai kedua teman sepenjaraku! Adapun yang lain....."

Kisah nabi Sulaiman a.s. juga dikaitkan dalam menyampaikan idea pemikiran dan perutusan agama dalam sajak-sajak Kemala. Kisah nabi Sulaiman a.s. dengan Ratu Balqis seorang pemerintah sebuah kerajaan terdapat dalam sajak berjudul 'Sulaiman' ('*Ayn*,hal:77). Kisah nabi Sulaiman a.s. dengan Ratu Balqis masyhur dalam sejarah nabi Sulaiman a.s. kerana kehebatan kerajaan pimpinan Balqis akhirnya tunduk kepada

kehebatan mukjizat nabi Sulaiman a.s. yang akhirnya membawa kepada berimannya Balqis kepada Allah SWT.

Kisah nabi Sulaiman a.s. berkait pula dengan keterangan al-Quran dalam Surah *al-Nahl*, Ayat 15-19, Surah *Shaad*, Ayat 35-40, Surah *Saba'*, Ayat 12-14 dan Surah *an-Naml*, Ayat 38-40, 41-43. Kisah sejarah nabi Sulaiman a.s. dengan Ratu Balqis yang dibangkitkan Kemala dalam sajaknya `Sulaiman` adalah berkait secara langsung dengan sejarah tokoh nabi ini dengan Ratu Balqis sebagai yang disebut dalam al-Quran. Pada baris 1-4 Kemala memerihalkan kehebatan nabi Sulaiman a.s. dengan izin Allah SWT dapat memahami bahasa binatang, boleh memerintah angin dan menundukkan Ratu Balqis. Kemala menyebutkan;

#### **Sulaiman**

Kebesaran Sulaiman atas izin-Mu  
Kebesaran di angin mendesing  
Menundukkan margastua  
Menunduki Balqis jelita (b.1-4)

Perkaitan dengan kisah sejarah ini dapat ditelusuri dalam banyak tulisan dan perbincangan oleh para ahli sejarah Islam. Afif Abdullah (1989) mengisahkan kehebatan nabi Sulaiman berdialog dengan burung hud hud yang berpergian dan pulang melaporkan kepada nabi Sulaiman tentang apa yang dilihatkan. Kisah ini terakam dalam Surah *an-Nahl*, Ayat 20-27;

"Dan dia memeriksa burung-burung dan berkata " mengapa aku tidak melihat Hud-hud, apakah ia termasuk yang tidak hadir. Sungguh aku benar-benar akan mengazabkannya dengan azab yang keras, atau benar-benar menyembelihnya atau benar-benar dia datang kepadaku dengan alasan yang terang. Maka tidak lama kemudian (datanglah Hud hud) lalu ia berkata " aku telah mengetahui sesuatu yang kamu belum mengetahuinya, dan kubawa kepadamu dari negeri Saba' suatu berita penting yang diyakini, sesungguhnya aku menjumpai seorang wanita yang memerintah mereka, dan dia dianugerahi segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar. Aku mendapati dia dan kaumnya menyembah matahari

selain Allah dan setan telah menjadikan mereka memandangi indah perbuatan-perbuatan mereka lalu menghalangi mereka dari jalan (Allah) sehingga mereka tidak mendapat petunjuk, agar mereka tidak menyembah Allah yang mengeluarkan apa yang terpendam di langit dan di bumi dan yang mengetahui apa yang kamu sembunyikan”.

### **Perkaitan *Stail* dan perutusan agama dengan kisah tokoh-tokoh wanita Islam**


Analisis yang dilakukan terhadap puisi-puisi Kemala menunjukkan terdapat beberapa tokoh wanita Islam yang disebutkan dalam al-Quran dikaitkan dengan pemikiran dan perutusan agama yang disampaikan. Kisah-kisah ini melihat tokoh-tokoh wanita seperti Masyita (*`Ayn*,hal:74, 75), Aisyah (*`Ayn* hal:75), Masyitah (*`Ayn*.hal:74,75), Hajar (*`Ayn*.hal:50), Rabi'atul adawiyah (*`Ayn* hal:48,75,78), Asiah (*`Ayn*.hal:48), Hawa (*`Ayn*.hal:9,14,75), Aminah (*`Ayn*, hal:61) dan Halimatus Sa'diah (*`Ayn*,hal:61). Kisah wanita yang teguh iman ketika berhadapan dengan ujian getir dihumban ke dalam kawah panas dikaitkan dalam dengan pemikiran tentang konsep keimanan terhadap Allah SWT dan perutusan agama supaya orang-orang Islam berpegang teguh dengan iman kepada Allah SWT, sekalipun berhadapan dengan dugaan yang boleh memalingkan iman seseorang kepada syirik dan murtad. Kisah Masyita amat relevan bagi memperkukuhkan kekuatan pemikiran Kemala tentang konsep keimanan terhadap Allah SWT yang tidak boleh dikompromi dengan apa juga tawaran (Lihat perkaitan ini dalam Rajah 7). Inilah yang ditunjukkan Kemala dalam sajak *`Perdaya`* (*`Ayn*,hal:74 dan sajak *`Bukti`* (*`Ayn*, hal:75).

### **Kisah Masyita**

Kisah Masyita ini berkait pula dengan peristiwa Isra' dan Mi'raq Rasulullah S.A.W. Dalam peristiwa Isra', Rasulullah S.A.W. bersama Jibril a.s. melalui satu tempat yang tersangat wangi baunya. Rasulullah S.A.W. bertanya kepada Jibril tentang bau wangi itu. Jibril a.s.

memberitahu bahawa bau wangi itu datangnya dari kubur Masyita dan ahli keluarganya yang dikuburkan dalam satu liang setelah mati dalam kawah panas oleh Firaun.

Rajah 1:  
Perkaitan *Stail* dan Perutusan tentang Keimanan dengan Kisah Masyita



### Kisah Halimatus Sa'adiah

Selain Masyita, Kemala juga memperkaitkan stail dan perutusan dengan kisah wanita bernama Halimahtus Sa'diah, iaitu ibu angkat Rasulullah S.A.W. yang menjadi ibu susuan Baginda Rasul. Kemala menggunakan kisah wanita ini bagi menyampaikan pemikirannya tentang kasih sayang, budi pekerti dan kesantunan. Menerusi sajak 'Hadiah' ('Ayn,hal:83) dan 'Hati' ('Ayn,hal:61), Kemala turut menyampaikan perutusan supaya setiap orang Islam memiliki budi pekerti yang mulia, penyantun dan ikhlas dalam berkasih sayang sebagaimana yang ditunjukkan oleh Halimahtus Sa'diah.


Halimatus Sa'diah atau nama penuhnya Halimah binti Abu Zu'ib as-Sa'diah ialah isteri kepada al-Harith bin Qabdul Uzza. Syed Abul Hasan Ali an Nadwi (2009) menceritakan kisah Halimah merayau-rayau di lorong-lorong di kota Mekah kerana mencari

seorang bayi. Walau bagaimanapun, tidak seorang bayi pun ditemui, ini kerana Halimah seorang perempuan desa yang lemah lembut dan tidak suka berebut-rebut untuk mendapatkan bayi sehingga semua bayi yang mempunyai bapa dan dari keluarga yang kaya raya terlepas ke tangan orang lain. Dengan kehendak Allah SWT, ketika merayau-rayau itu akhirnya sampailah Halimah di hadapan pintu rumah Abdullah bin Abdul Muttalib. Setelah Aminah mendengar Hasrat Halimah, beliau akhirnya menyerahkan anaknya Muhammad S.A.W. untuk disusukan Halimah. Setelah genap dua tahun usia Rasulullah S.A.W., maka dibawalah Rasulullah S.A.W. ke Mekah untuk dipulangkan semula kepada ibunya Aminah. Walau bagaimanapun, Halimah tidak tahan hati untuk berpisah dengan Rasulullah S.A.W. yang kasih sayangnya sudah terserap masuk ke lubuk hatinya. Di atas sebab itulah, Halimah memohon izin kepada Aminah untuk membawa pulang Rasulullah S.A.W. ke rumahnya sekali lagi.

Kemala memperkaitkan kisah Halimahtus Sa'diah bagi memperjelaskan nilai tara budi pekerti, kasih sayang dan kesantunan seseorang terhadap manusia yang lain. Kisah Halimatus Sa'diah mencari anak-anak untuk disusukan tersebut dan terkait dengan kisah zaman awal kanak-kanak Rasulullah S.A.W. sendiri yang diserahkan kepada Halimatus Sa'diah bagi tujuan tersebut.

## Rajah 2

Perkaitan *stail* dan perutusan agama tentang budi pekerti dan kasih sayang dengan kisah Halimatus sa'diah.



### Kisah Rabiatul `Adawiyah

Rabiatul Adawiyah masyhur dengan kisahnya sebagai seorang wanita Islam yang unggul dalam kecintaannya terhadap Allah SWT. Keunggulan Rabiatul Adawiyah menjadikan dirinya ikon wanita terpuji baik pada zamannya, zaman kini dan sampai ke akhir zaman. Ketinggian darjat Rabiatul Adawiyah ini dapat dilihat pada keterangan ayahnya Ismail yang mendengar daripada Rasulullah S.A.W. perihal anaknya itu di dalam mimpi. Di dalam mimpi, Ismail melihat Rasulullah S.A.W. dan Rasulullah S.A.W. berkata kepadanya, "Jangan bersedih! Puterimu adalah pemimpin yang mulia. Sungguh, tujuh puluh ribu umatku akan mengharap syafa'atnya..." (A.J.Siraaj & A.H.Mahmoud,2003:3).

Kisah tokoh wanita sufi ini dipilih secara sedar oleh Kemala sebagai asas perkaitan contoh kisah wanita yang wajar dijadikan tauladan umat manusia. Perihal Rabiatul Adawiyah tersebut namanya dalam sajak `Ayn (`Ayn,hal:48), `Bukti` (`Ayn,hal:75) dan

sajak `Rabiatuladawiyah` (`Ayn,hal.78). Perutusan yang ingin disampaikan Kemala dalam sajak ini ialah supaya setiap umat Islam mengambil.

### **Rumusan**

Analisis dan perbincangan ke atas sajak-sajak Kemala menunjukkan signifikasi kesepaduan *stail* dengan perutusan dan perkaitannya dengan kebenaran. Signifikasi ini memberi maksud, keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu yang dihasilkan oleh Kemala tidak menampilkan unsur estetik bahasa (unsur metafora) bagi tujuan menampilkan keindahan sajak semata-mata, tetapi membawa makna keindahan yang lebih besar iaitu menyampaikan perutusan-perutusan agama. Menelusuri makna keindahan berlandaskan prinsip kesepaduan dan perkaitan berjaya membuktikan eksistensi Islam sebagai latar kepengarangan Melayu Islam sebagaimana yang diakui dengan para sarjana sebelum ini.

Dapat dirumuskan juga daripada analisis ini iaitu terdapat perbezaan pemahaman makna keindahan daripada sudut *Estetika Bersepadu* dengan pemahaman estetik Barat dan juga teori-teori estetik yang diperkenalkan oleh sarjana Melayu di Malaysia dalam memahami konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu di Malaysia. Perbezaan ini kerana *Estetika Bersepadu* melihat eksistensi unsur keindahan dalam teks kesusasteraan berlaku secara bersepadu dan mempunyai perkaitan dengan aspek kebenaran di sisi agama dan realiti. Manakala konsep estetik Barat lebih menitik berat aspek pengalaman, rasa dan objek estetik tanpa mengambil kira aspek perutusan serta kebenaran di sisi agama dan realiti.

## Rujukan

- Al-Quran dan terjemahannya*.(1428 H). Cetakan Kerajaan Arab Saudi.
- Abdul Halim Ali (2015) *Wacana teori dan kritikan sastera*. Shah Alam. NHA Excell Resources
- Abul Fidaa' Ismail bin Katsir al-Quraisy (2004) *Kisah para nabi: Teladan bagi orang berakal*.(terjemahan). Kuala Lumpur: Darul Fajr Sdn. Bhd.
- Afif Abdullah. (1989). *Nabi-nabi dalam islam*. Klang: Klang Book Centre.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1987) *'Ayn*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1989). *Pelabuhan Putih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1994). *Kesusasteraan bandingan dan perbincangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1995), *Titir Zikir*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2001) *MIM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali. (2006). *Ihya' ulumuddin: Intipati*. Kuala Lumpur: Terbitan Darul Fajr.
- Braginsky. I.V.(1993). *The system of classical malay literature*. Leiden: KITLV Press.
- Braginsky. I.V.(1994) *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky. I.V.(2000). *'Perpaduan etika dan estetik sastera di dalam hikayat Melayu zaman islam'*. *Kertas kerja*. Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapan. Hotel Renaissance, Palm Garden, Puchong. 26-28 September 2000.
- Dickie, G. (1997). *Introduction to aesthetics: An analytic approach*. Oxford: Osford University Press.
- Fathi Yakan. (1992). *Apa erti saya menganut islam*. (Terj). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar
- Gaut, B. & Lopes, D.M. (2001). *The routlege companion to aesthetics*. London: Routledge.
- Gonzalez, V. (2001). *Beauty and islam: Aesthetics in islamic art and architecture*. London: The Institute of Ismaili Studies.
- Gorys Geraf (2005) *Diksi dan gaya bahasa*. (Edisi ke-15). Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.



- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haron Din, et al. (1990). *Manusia dan islam*. (Jld. Satu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din, et al. (1997). *Manusia dan islam*. (Jld Dua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Faruqi. (1980). *Islam and culture*. Kuala Lumpur: Terbitan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Ismail Raji al-Faruqi. (1999). *Seni tauhid* (terj.) Yogyakarta: Terbitan Yayasan Benteng Budaya
- Luxemburg, J.V., Bal, M. & Weststeijn W. G. (1991) *Tentang sastera*. (terj.). Jakarta: Intermasa.
- Mahayudin Yahaya. (1993). *Sirah nabi muhammad s.a.w. zaman makkah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1997). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Daud Mohamad & Huszaidi Hussin. (2006). *Rangkaian pemikiran dalam karya sastera* (pngr). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kamal Hassan. (1981). `Konsep keindahan dalam islam dan hubungannya dengan seni dan sastera`. *Jurnal islamiyyat*, Jilid 3/81, Bangi: Terbitan Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Muhammad Ali Qutb. (1993). *Aisyah r.a.: Wanita teladan & penyebar ilmu sepanjang zaman*. (terj.). Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Mustafa `Abd Rahman. (1992). *Hadith 40: Terjemahan dan syarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Oliver, L. (2004). *Islamic aesthetics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Panel Penterjemah. (2006). *Intipati ihya' Ulumuddin imam al-ghazali*. Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Fajr.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruskin, J., Pater, W. & Stokes, A. (1997) *England its aesthetic biography and taste*. Netherlands: G+B Arts International.

- Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa-fenomenologi: Penerapannya terhadap karya a. samad said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Syed Abul Hassan Ali an-Nadwi. (2009). *Sejarah dan perjalanan hidup nabi muhammad s.a.w.* (terj). Kuala Lumpur: Warisan Ilmu Publication.
- Syekh Muhammad Yusuf al-Kandahlawi. (2004). *Kisah-kisah teladan sahabat nabi*. Yogyakarta: Mitra Pustaka.
- Townsend, D. (2001). *Aesthetics: Classic readings from the western tradition*. United States of America: Wadsworth.
- Ungku Maimunah Tahir. (1999). `Persuratan baru oleh mohd affandi hassan: Satu sambutan awal`. *Kertas kerja*. Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Hotel The Summit, Subang Jaya, Selangor. 6-8 Disember 1999.
- Zakaria Stapa. (1984). `Rab'ah al-adawiyah dan konsep cinta ilahi`. *Jurnal Islamiyat*. Vol.5. 1984. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.